

Ismail Sabri jangka PRU-13 kali ini paling ganas
Utusan Online
12 Mac, 2012

BERA 11 Mac - Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) yang dijangkakan tidak lama lagi dipercayai menjadi pilihan raya umum yang paling ganas berikutan cita-cita besar Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang terdesak bagi menentukan kesinambungan hidup politiknya untuk menjadi Perdana Menteri.

Sehubungan itu, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menasihati anggota komponen Barisan Nasional (BN) supaya memberikan tumpuan bagi memastikan kemenangan BN dan tidak takut untuk berhadapan dengan parti pembangkang yang akan pasti melakukan provokasi semasa berkempen.

Katanya, pilihan raya umum kali ini merupakan pilihan raya yang paling penting kerana merupakan peluang terakhir bagi Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) untuk menentukan masa depan politiknya.

Katanya, jika tidak menang dalam pilihan raya kali ini peluang Anwar akan gelap kerana umurnya akan mencecah hampir 70 tahun untuk bertanding dalam pilihan raya umum ke-14.

"Anwar akan melakukan apa sahaja cara asalkan cita-cita untuk menumbangkan BN menjadi kenyataan.

"Jika ia tewas, pilihan raya ini, bermakna musnah impiannya untuk menjadi Perdana Menteri kerana faktor lanjut umur," kata Ismail Sabri.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan kursus ejen pengiraan dan pelancaran jentera pilihan raya BN di Kompleks Rakan Muda Bera, hari ini.

Turut hadir Naib Ketua BN Parlimen Bera, Norol Azali Sulaiman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Guai dan Ketua Pemuda BN Datuk Azizan Omar.

Oleh itu parti komponen BN perlu melipat gandakan usaha memastikan jentera pilihan raya bekerja kuat selari dengan situasi pilihan raya ke-13 yang menentukan kesinambungan hidup bangsa dan negara.

Pada masa ini ujaranya, momentum sokongan rakyat terhadap BN berada di tahap tinggi berikutan kejayaan kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak meletakkan negara keluar dari kemelesetan ekonomi global.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0312&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_11.htm